

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Jumaat, 13 Oktober 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

AKAUN SATELIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI 2022

Teknologi Maklumat & Komunikasi & e-dagang Malaysia bertumbuh dua digit 14.8 peratus, mencecah nilai RM412.3 bilion

PUTRAJAYA, 13 OKTOBER 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ASTMK) 2022**. ASTMK adalah satu kerangka statistik untuk mengukur perkembangan prestasi Industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) termasuk e-dagang dan sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Sumbangan TMK dan e-dagang kepada ekonomi negara merekodkan 23.0 peratus dengan nilai RM412.3 bilion berbanding 23.2 peratus atau RM359.3 bilion pada tahun 2021. Sumbangan ini terdiri daripada Nilai Ditambah Kasar Industri TMK (NDKTMK) sebanyak 13.6 peratus dan e-dagang bagi industri lain sebanyak 9.4 peratus. TMK dan e-dagang mencatatkan peningkatan 14.8 peratus berbanding 12.2 peratus pada tahun sebelumnya."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan, "NDKTMK merekodkan RM243.7 bilion dengan mencatatkan pertumbuhan 12.4 peratus berbanding 7.8 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disokong oleh industri Pembuatan TMK yang bertumbuh lebih baik sebanyak 21.3 peratus berbanding 11.0 peratus pada tahun 2021. Komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna kekal sebagai penyumbang utama kepada industri Pembuatan TMK sebanyak 35.7 peratus."

Mengulas lebih lanjut mengenai laporan tersebut, Ketua Perangkawan berkata, “Nilai Ditambah Kasar e-dagang merekodkan RM239.1 bilion dengan pertumbuhan 18.9 peratus pada tahun 2022 berbanding 22.7 peratus pada tahun sebelumnya. Sumbangan e-dagang kepada KDNK adalah 13.3 peratus merangkumi e-dagang bagi industri TMK 3.9 peratus dan e-dagang industri lain, 9.4 peratus. Sektor Pembuatan kekal sebagai penyumbang utama dalam Nilai Ditambah Kasar e-dagang dengan sumbangan 53.4 peratus diikuti oleh sektor Perkhidmatan, 43.0 peratus.”


Sementara itu, guna tenaga dalam industri TMK bertumbuh 1.0 peratus kepada 1.22 juta orang pada tahun 2022, dengan sumbangan sebanyak 7.9 peratus kepada keseluruhan guna tenaga. Sumbangan ini diterajui oleh sektor Pembuatan TMK sebanyak 36.1 peratus, diikuti oleh sektor Perkhidmatan TMK (29.3%) dan sektor Perdagangan TMK (21.7%).

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 bagi tempoh 2021-2025 menekankan kepentingan industri berasaskan teknologi dan digital yang memfokuskan pada penggunaan teknologi termaju, termasuk kecerdasan buatan, bahan termaju dan pengkomputeran kuantum sebagai pemacu utama pertumbuhan industri. Inisiatif ini sejajar dengan komitmen Kerajaan untuk memupuk penyertaan ekonomi merentas semua segmen masyarakat melalui platform digital dan model perniagaan yang inovatif. Masa depan digital Malaysia tertumpu kepada penciptaan ekosistem yang memupuk inovasi, menarik pelaburan dan memacu negara ke arah masa depan yang makmur dan mampan.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

AKAUN SATELIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI 2022



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
13 OKTOBER 2023**

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Friday, 13 October 2023**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY SATELLITE ACCOUNT
2022

Malaysia's Information & Communication Technology & e-commerce grew by double-digit of 14.8 per cent, reaching RM412.3 billion

PUTRAJAYA, 13 OCTOBER 2023 – Today, the Department of Statistics Malaysia released the **Information and Communication Technology Satellite Account (ICTSA) 2022**. ICTSA is a statistical framework to gauge the performance of the Information and Communication Technology (ICT) industry, including e-commerce, and its contribution to the Gross Domestic Product (GDP).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The contribution of ICT and e-commerce to the national economy recorded 23.0 per cent with a value of RM412.3 billion as compared to 23.2 per cent or RM359.3 billion in 2021. This contribution comprises the Gross Value Added ICT Industry (GVAICT) at 13.6 per cent and the e-commerce of other industries at 9.4 per cent. ICT and e-commerce showed an increase of 14.8 per cent compared to 12.2 per cent in the previous year.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, explained, “GVAICT recorded RM243.7 billion with a growth of 12.4 per cent compared to the 7.8 per cent in the previous year. This growth was supported by the ICT Manufacturing industry with a better growth of 21.3 per cent compared to 11.0 per cent in 2021. Components and electronic boards, communication equipment and consumer electronics remained the main contributors to ICT Manufacturing by 35.7 per cent.”

Commenting further on the report, the Chief Statistician said, “The Gross Value Added of e-commerce registered RM239.1 billion with a growth of 18.9 per cent in 2022 compared to 22.7 per cent a year ago. The contribution of e-commerce to GDP was 13.3 per cent comprising e-commerce in ICT industries at 3.9 per cent and e-commerce in other industries at 9.4 per cent. The Manufacturing sector remained the major contributor to Gross Value Added of e-commerce with a contribution of 53.4 per cent, followed by the Services sector at 43.0 per cent.”


Meanwhile, employment in the ICT industry has increased 1.0 per cent to 1.22 million persons in 2022, with a contribution of 7.9 per cent to total employment. The contribution was dominated by ICT manufacturing at 36.1 per cent, followed by ICT services (29.3%) and ICT trade (21.7%).

The Twelfth Malaysia Plan Mid-Term Review for 2021-2025 underscores the importance of the Technology-Based and Digital Industry, focusing on advanced technology adoption, including artificial intelligence, advanced materials and quantum computing as key drivers of industry growth. This initiative aligns with the Government's commitment to fostering economic participation across all segments of society through digital platforms and innovative business models. Malaysia's digital future is centered on creating an ecosystem that nurtures innovation, attracts investment and propels the nation towards a prosperous and sustainable future.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY SATELLITE ACCOUNT 2022



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

13 OCTOBER 2023